

Pendekatan pembelajaran perkataan Arab

SECARA umumnya berdasarkan dua aliran utama yang telah dibincangkan pada minggu lepas, terdapat dua jenis pendekatan pembelajaran yang utama iaitu: (a) pendekatan induktif yang dipelopori aliran behaviorisme; dan (b) pendekatan deduktif yang dipelopori aliran kognitif.

Pendekatan induktif adalah pendekatan yang memulakan sesuatu kajian dengan melihat penggunaan unsur-unsur bahasa yang diajar melalui contoh-contoh dan dilakukan sebelum seseorang guru itu membuat pengitlakan terhadap unsur-unsur tersebut.

Pendekatan ini menggunakan kaedah pencarian yang melihat, mengkaji, menganalisis sesuatu aspek tertentu pada awal dan kemudian dibuat satu keputusan umum daripada data yang dikaji. Dalam konteks pembelajaran perbendaharaan kata, pendekatan ini mengutamakan contoh-contoh perkataan pada awal pembelajaran dan dibuat generalisasi daripadanya.

Memerhati

Guru tidak digalakkan memberi definisi atau penerangan terhadap peraturan-peraturan tertentu dalam pembinaan sesuatu perbendaharaan kata. Sebaliknya guru disaran mengemukakan soalan, berbincang, memerhati, mengkaji dan membentuk contoh-contoh perbendaharaan kata yang sama erti dengan sesuatu perbendaharaan kata yang dipelajari.

Antara konsep-konsep induktif adalah: (a) mempelajari sesuatu perbendaharaan kata untuk mendapatkan hukum; (b) memperkenalkan pengetahuan dan memberi pengalaman; (c) mengakumulasi maklumat untuk membentuk hukum; (d) membentuk satu kesimpulan umum daripada contoh tertentu melalui satu urutan pemikiran; dan (e) membuat satu justifikasi daripada yang khusus kepada umum dan kaedah penaaakuan yang bertujuan mendapatkan peraturan-peraturan umum daripada fakta atau contoh tertentu.

Pendekatan deduktif pula adalah pendekatan pembelajaran yang memulakan sesuatu kajian itu dengan melihat secara keseluruhan aspek pembelajaran sebelum kesimpulan khusus dilakukan.

Ia selaras dengan teori pembelajaran Gestalt yang menerangkan bahawa seseorang pelajar mempelajari sesuatu situasi itu secara keseluruhan sebelum mempelajari elemen-elemen situasi itu. Dalam konteks pembelajaran perbendaharaan kata, pendekatan ini mengutamakan generalisasi dibuat di bahagian awal pembelajaran dan dikemukakan contoh-contoh perkataan selepasnya.

Guru digalakkan memberi definisi atau penerangan terhadap peraturan-peraturan tertentu dalam pembinaan sesuatu perbendaharaan kata pada awal pembelajaran. Pendekatan ini menegaskan bahawa objektif pengetahuan seseorang terhadap

perbendaharaan kata yang hendak dipelajari berguna untuk memudahkan proses pembelajaran mereka.

Antara konsep-konsep deduktif adalah: (a) mempelajari sesuatu perbendaharaan kata berdasarkan hukum; (b) proses penaaakulan yang bertujuan mendapatkan fakta atau contoh daripada peraturan umum; (c) satu produksi fakta untuk membuktikan satu pernyataan umum; dan (d) membuat satu pencerakinan daripada yang umum kepada yang khusus.

Pakar-pakar pendidikan bahasa telah menggariskan beberapa asas penting dalam pembelajaran perbendaharaan kata baru bagi pembelajaran bahasa asing.

Virginia F.A. mengemukakan lapan persoalan kepada guru yang mengajar perbendaharaan kata iaitu: (a) yang mana satu perbendaharaan kata yang paling diperlukan pelajar?; (b) bagaimanakah kita menjadikan sesuatu perbendaharaan kata kelihatan penting kepada pelajar?; (c) berapakah perbendaharaan kata yang diperlukan dalam pembelajaran yang singkat?; (d) Apakah yang perlu dilakukan jika sebahagian pelajar sudah mengetahui sesuatu perbendaharaan kata dan sebahagian yang lain tidak tahu?; (e) kenapakah sebahagian perbendaharaan kata lebih mudah dipelajari dan diajar daripada sebahagian yang lain?; (f) apakah bahan bantu mengajar perbendaharaan kata yang sesuai?; (g) bagaimanakah kita menggalakkan pelajar agar lebih bertanggungjawab terhadap perbendaharaan kata yang dipelajari?; dan (h) apakah jalan terbaik untuk mengeluarkan perbendaharaan kata yang telah dipelajari?

Linda T. pula menghuraikan tujuh aspek pengetahuan penting yang perlu diberi penekanan dalam pembelajaran perbendaharaan kata baru bagi pembelajaran bahasa asing iaitu pengetahuan tentang (a) frekuensi perkataan dalam sesuatu bahasa; (b) pendaftaran perkataan; (c) sintaksis perkataan; (d) morfologi; (e) semantik; (f) polisemi; dan (g) nilai persamaan perkataan dalam bahasa ibunda.

Brown H.D. meletakkan empat asas penting dalam pembelajaran perbendaharaan kata baru bagi pembelajaran bahasa asing iaitu: (a) menentukan masa khusus dalam kelas untuk pembelajaran perbendaharaan kata; (b) guru hendaklah memastikan pelajar sentiasa belajar makna perbendaharaan kata mengikut konteks; (c) guru perlu memainkan peranan dalam penggunaan kamus dwibahasa; dan (d) menggalakkan pelajar mengembangkan strategi mengenal pasti makna perbendaharaan kata secara lebih khusus.

Seterusnya, Nation I.S.P. mengemukakan empat perkara asas dalam pembelajaran perbendaharaan kata baru bagi pembelajaran bahasa asing dalam empat kemahiran asas (mendengar, bertutur, membaca dan menulis).

Empat asas itu adalah kriteria perkataan yang diperlukan, jenis perkataan yang perlu dipelajari dan tidak perlu, bagaimana melatih pelajar membina perkataan dan membentuk ujian perbendaharaan yang berkesan untuk menguji kefahaman perbendaharaan kata.